

Sekolah satu aliran utuh perpaduan

Polarisasi kaum hanya galakkan pengasingan etnik pada usia muda

Sesetengah pihak berpendapat sistem pendidikan kita telah banyak merudum. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tidak diyakini dapat memperbaiki keadaan meleset ini. Ini ada kebenarannya jika masalah perpaduan negara yang tidak berjaya ditangani sistem pendidikan kita, dijadikan faktornya.

Masalah perpaduan yang hanya wujud pada tahap sosial selama ini, sudah mula memperlihatkan hakikat kerapuhannya. Inilah keadaan sebenar hubungan etnik kita yang cuba dibina sejak sekian lama.

Sistem pendidikan kita selain bertujuan memandaikan anak bangsa, ikut bermatlamat menyatukan mereka. Melihat kepada perpaduan pada masa ini, ternyata ia gagal menyatukan anak bangsa kita pada tahap yang lebih menyakinkan, khususnya pada tahap psikologi.

Elak pengasingan etnik

Polarisasi kaum yang wujud di sekolah, kemudian diteruskan di institusi pengajian tinggi dan akhirnya di tempat kerja, tidak boleh dinafikan lagi sebagai akibat sistem pendidikan kita yang membenarkan kewujudan pelbagai aliran persekolahan. Ia bukan sahaja membenarkan, malah menggalakkan pengasingan etnik berlaku pada usia yang begitu muda, yakni di TADIKA dan sekolah rendah.

Berbanding dengan sistem di serata tempat yang memastikan wujudnya penyatuan awal melalui saluran pendidikan, keyakinan kita kepada kepelbagaian aliran persekolahan pada usia rebung, yang diharapkan berjaya memupuk perpaduan kelak semasa usia aur di sekolah menengah, ternyata bukan sahaja silap, tetapi amat salah sekali!

Namun begitu, tidak pernah terlambat untuk kembali ke pangkal apabila sesat di tengah jalan. Dalam hal ini, kita balik ke rukunnya, iaitu menyatukan anak bangsa melalui persekolahan satu aliran, seperti yang dilakukan semua negara, baik yang homogen, apatah lagi yang heterogen seperti Malaysia.

Ada sekurang-kurangnya tujuh aliran persekolahan di sekolah rendah, iaitu sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan, agama, swasta, persendirian, antarabangsa dan belajar di rumah. Penelitian hemat mendapati semuanya tidak pun membekalkan pendidikan nasional yang sepatutnya. Sekolah Kebangsaan walaupun dihasratkan menawarkan pendidikan nasional, akhirnya ini didakwa lebih menyediakan pendidikan Melayu Muslim.

Oleh sebab sifatnya, Sekolah Jenis Kebangsaan tidak dapat dinafikan menye-

diakan pendidikan vernakular, dan Sekolah Agama membekalkan pendidikan agama. Sekolah swasta pula lebih kepada menyediakan pendidikan eksklusif dan elit sifatnya. Sekolah persendirian Cina menawarkan pendidikan yang bebas daripada mengikuti kurikulum kebangsaan, baik dari segi sukatan pelajaran dan peperiksaan.

Galak bahasa kebangsaan

Sementara Sekolah Antarabangsa menggunakan kurikulum luar negara, sama ada United Kingdom, Amerika Syarikat dan lain-lain. Belajar di rumah sudah tentu tidak mampu menerapkan aspirasi nasional dalam pendidikan yang disampaikan guru peribadi.

Daripada tujuh itu, hanya tiga yang pertama itu perlu digemblengkan sebaik mungkin untuk mewujudkan persekolahan satu aliran, sudah tentu yang menggunakan bahasa Melayu selaku bahasa negara sebagai bahasa pengantar utama. Ia hendaklah bersifat nasional dengan memasukkan komponen Melayu sebagai terasnya, dan diintegrasikan dengan sebaik-baiknya komponen agama Islam dan vernakular Cina dan India. Malah, ia hendaklah juga memadukan komponen keagamaan lain secara sederhana, selain komponen etnik lain seelok-eloknya, baik di yang Semenanjung mahupun Sabah dan Sarawak.

Ia kurikulum baharu yang digerakkan Gagasan 1Malaysia, iaitu merangkumi semua kaum. Kemajmukan etnik dan kepelbagaian budaya yang merupakan asas pembentukan Malaysia terus dikekalkan dan kini hendaklah wujud dalam bentuk persekolahan satu aliran dan bukannya seperti yang berlaku sekarang. Pembaharuan sebegini sudah tentu menuntut persekolahan satu sesi yang lebih panjang, yang boleh pun dilakukan melalui PPPM.

Kita semua hendaklah berjiwa besar, yakni sanggup berkorban agar anak bangsa kita betul-betul bersatu untuk terus membangunkan Malaysia. Untuk ini, kita perlu mula berbincang tentang gagasan persekolahan satu aliran ini. Sehubungan ini, kerajaan hendaklah berperanan aktif, selain memiliki keberanian politik.

Semua ini dilakukan untuk satu tujuan sahaja, iaitu membina negara bangsa bersatu, yang merupakan prasyarat kepada kemajuan negara. Untuk ini, kita perlu berpegang kepada teori bahawa negara yang menggunakan satu bahasa sebagai bahasa utamanya, adalah negara yang berjaya menyatukan rakyatnya.



TEO KOK SEONG



Penulis

ialah Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia dan Exco Majlis Profesor Negara